



### PEKELILING AKADEMIK BILANGAN 3/2024

#### PELAKSANAAN YURAN PER KREDIT BAGI PROGRAM PRASISWAZAH TEMPATAN DAN ANTARABANGSA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Dengan segala hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Adalah dimaklumkan bahawa Mesyuarat Lembaga Pengarah Bilangan 7/2024 (Kali ke-179) yang bersidang pada 28 Julai 2024 telah bersetuju meluluskan pelaksanaan yuran per kredit bagi semua program prasiswazah yang ditawarkan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

3. Yuran per kredit yang dilaksanakan adalah seperti berikut:

- a) Yuran per kredit hanya melibatkan Yuran Pengajian sahaja. Yuran-yuran lain masih menggunakan kadar yang sedang berkuatkuasa.
- b) Yuran per kredit dikenakan kepada semua pelajar berdasarkan jumlah kredit kursus yang didaftarkan pada sesuatu semester.
- c) Jumlah kredit yang ditawarkan pada setiap semester adalah berdasarkan kepada struktur pengajian yang telah ditetapkan bagi program masing-masing.
- d) Kadar yuran per kredit bagi semua program prasiswazah sedia ada adalah seperti di **Lampiran**.

- e) Kadar yuran per kredit bagi program-program Sarjana Muda baharu yang akan ditawarkan oleh UMK di masa akan datang adalah seperti berikut:

| Bidang              | Kadar (RM)    |                   |
|---------------------|---------------|-------------------|
|                     | Tempatan (RM) | Antarabangsa (RM) |
| Sains dan Teknologi | 77            | 155               |
| Sosial Sains        | 67            | 135               |

4. Pelaksanaan kadar yuran per kredit berkuatkuasa secara menyeluruh bermula kohot pengambilan Semester September Sesi Akademik 2024/2025.
5. Pelajar kanan masih menggunakan kadar yuran sedia ada kecuali bagi yang mengikuti semester tambahan (semester lanjutan) dan bagi tujuan memperbaiki gred untuk bergraduasi.
6. Segala perhatian dan kerjasama yang diberikan berhubung perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.


Sekian.

**"ISLAM MEMBIMBING, RAJA MEMIMPIN, NEGERI DIBERKATI"**

**"MALAYSIA MADANI"**

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Saya yang menjalankan amanah,



**(PROF. DR. HUZILI BIN HUSSIN, A.M.P, P.M.P)**

Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)

Universiti Malaysia Kelantan

22 OKTOBER 2024

- s.k
- Naib Canselor
  - Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
  - Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
  - Pendaftar
  - Semua Dekan Fakulti

# LAMPIRAN

KADAR YURAN PER KREDIT BAGI PROGRAM PRA SISWAZAH TEMPATAN DAN ANTARABANGSA UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

| FAKULTI | PROGRAM PENGAJIAN                                                                  | PELAJAR<br>TEMPATAN<br>(RM) | PELAJAR<br>ANTARABANGSA<br>(RM) |
|---------|------------------------------------------------------------------------------------|-----------------------------|---------------------------------|
| FIAT    | SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (SAINS PETERNAKAN) DENGAN KEPUJIAN                       | 77                          | 155                             |
|         | SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (TEKNOLOGI PEMBANGUNAN PRODUK) DENGAN KEPUJIAN           | 77                          | 155                             |
|         | SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (JAMINAN MAKANAN) DENGAN KEPUJIAN                        | 77                          | 155                             |
| FBKT    | SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (AGROTEKNOLOGI) DENGAN KEPUJIAN                          | 77                          | 155                             |
|         | SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (TEKNOLOGI BAHAN) DENGAN KEPUJIAN                        | 77                          | 155                             |
|         | SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (TEKNOLOGI SUMBER HUTAN) DENGAN KEPUJIAN                 | 77                          | 155                             |
| FSB     | SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (TEKNOLOGI BIOINDUSTRI) DENGAN KEPUJIAN                  | 77                          | 155                             |
|         | SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (SAINS KELESTARIAN ALAM SEKITAR) DENGAN KEPUJIAN         | 77                          | 155                             |
|         | SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (GEOSAINS) DENGAN KEPUJIAN                               | 77                          | 155                             |
| FSDK    | SARJANA MUDA SAINS GUNAAN (SAINS SUMBER ASLI) DENGAN KEPUJIAN                      | 77                          | 155                             |
|         | SARJANA MUDA TEKNOLOGI MAKLUMAT DENGAN KEPUJIAN                                    | 77                          | 155                             |
|         | SARJANA MUDA SAINS SENIBINA DENGAN KEPUJIAN                                        | 77                          | 135                             |
| FSE     | SARJANA MUDA SENIBINA DALAMAN DENGAN KEPUJIAN                                      | 77                          | 135                             |
|         | SARJANA MUDA SENIBINA LANDSKAP DENGAN KEPUJIAN                                     | 77                          | 135                             |
|         | SARJANA MUDA PENGALIAN WARISAN DENGAN KEPUJIAN                                     | 77                          | 135                             |
| FTKW    | SARJANA MUDA TEKNOLOGI KREATIF DENGAN KEPUJIAN                                     | 67                          | 135                             |
|         | DOKTOR PERUBATAN VETERINAR                                                         | 76                          | 400                             |
|         | SARJANA MUDA PERAKAUNAN DENGAN KEPUJIAN                                            | 80                          | 135                             |
| FKP     | SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN DENGAN KEPUJIAN                                          | 63                          | 135                             |
|         | SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (LOGISTIK DAN PERNIAGAAN PENGEDARAN) DENGAN KEPUJIAN     | 63                          | 135                             |
|         | SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (PERUNCATAN) DENGAN KEPUJIAN                             | 63                          | 135                             |
| FHPK    | SARJANA MUDA PENTADBIRAN PERNIAGAAN (PERBANKAN DAN KEWANGAN ISLAM) DENGAN KEPUJIAN | 63                          | 135                             |
|         | SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (PERDAGANGAN) DENGAN KEPUJIAN                            | 63                          | 135                             |
|         | SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (PELANCONGAN) DENGAN KEPUJIAN                            | 63                          | 135                             |
| FBI     | SARJANA MUDA KEUSAHAWANAN (KESEJAHTERAAN) DENGAN KEPUJIAN                          | 63                          | 135                             |
|         | SARJANA MUDA KOMUNIKASI PERNIAGAAN DENGAN BAHASA INGERIS (KEPUJIAN)                | 63                          | 135                             |
|         | SARJANA MUDA BAHASA ARAB DENGAN KEUSAHAWANAN (KEPUJIAN)                            | 63                          | 135                             |
|         | SARJANA MUDA PENGURUSAN KOMUNITI DENGAN KEUSAHAWANAN SOSIAL (KEPUJIAN)             | 63                          | 135                             |